


SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TAN SRI ABDUL KADIR

SEJARAH TINGKATAN 3

BAB 5 - KEMERDEKAAN NEGARA 31 OGOS 1957

1. Perjanjian London telah ditandatangani oleh delegasi Rombongan Merdeka pada akhir Rundingan London 1956.
Apakah manfaat yang diperoleh oleh pihak British hasil perjanjian tersebut?
A Pihak British akan menerima ganti rugi
B Tanah Melayu akan menjadi negara Persekutuan
C Kepentingan British tidak akan terjejas di Tanah Melayu
D Seorang penasihat British dilantik dalam pentadbiran Tanah Melayu
2. Maklumat di bawah berkait dengan Rombongan Merdeka 1956



- Apakah matlamat yang ingin dicapai daripada rombongan tersebut?
- A Membincangkan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu
 - B Merangka Perlembagaan Tanah Melayu yang merdeka
 - C Menentukan tarikh pilihanraya umum kali pertama
 - D Membincangkan usaha penubuhan Malaysia
3. Maklumat di bawah berkait dengan Suruhanjaya yang dibentuk ke arah kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu

- Sir Ivor Jennings (England)
 - Sir William Mckell (Australia)
 - Tuan Abdul Hamid (Pakistan)
 - Tuan B.Malik (India)

Apakah tugas suruhanjaya di atas?

- I Meninjau perlembagaan yang sesuai untuk Persekutuan Tanah Melayu
- II Menjamin hak istimewa orang Melayu
- III Menjamin kedudukan khas raja-raja Melayu
- IV Membentuk dan menentukan kuasa kerajaan pusat dan negeri

- A i dan ii B i dan iv C ii dan iii D iii dan iv

4. Beberapa cadangan Suruhanjaya Reid yang asal terpaksa dipinda untuk memuaskan hati semua pihak.

Antara perkara yang dipersetujui ialah

- I Sebuah kerajaan Persekutuan dibentuk
- II Kedudukan istimewa orang Melayu dikaji semula
- III Konsep raja berkuasa mutlak dikenakan
- IV Agama Islam menjadi agama rasmi Persekutuan

A i dan ii

B i dan iv

C ii dan iii

D iii dan iv

5. Maklumat di bawah berkait dengan Perjanjian Merdeka 1957

Perjanjian Merdeka ditandatangani oleh wakil kerajaan British dan raja-raja Melayu.

Di manakah Perjanjian Merdeka ditandatangani?

- A Padang Merdeka, Bandar Hilir Melaka
- B Stadium Merdeka, Kuala Lumpur
- C King's House, Kuala Lumpur
- D London

6. Pernyataan berikut berkait dengan peristiwa pemasyhuran kemerdekaan .

Pemasyhuran Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu telah dilakukan dengan penuh gemilang di Stadium Merdeka ,Kuala Lumpur pada 31 Ogos 1957

Antara isi kandungan Pemasyhuran Kemerdekaan ialah

- I Persekutuan Tanah Melayu merdeka dan berdaulat setaraf negara lain
- II Penguasaan Raja-raja Melayu ke atas Negeri-negeri Selat terbatas
- III Persekutuan Tanah Melayu merupakan sebuah negara republik
- IV Perlembagaan Persekutuan berkuat kuasa pada 31 Ogos 1957

A i dan ii

B i dan iv

C ii dan iii

D iii dan iv

7. Maklumat di bawah berkait dengan dokumen pemashuran kemerdekaan.

Dokumen Pemasyhuran Kemerdekaan 1957 telah ditulis dalam dua bahasa iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris

Apakah tujuan penggunaan tulisan jawi

- A Simbol warisan bangsa Melayu
- B Lambang toleransi antara kaum
- C Lambang jati diri bangsa Melayu
- D Lambang Islam sebagai agama rasmi

8. Peristiwa di bawah digambarkan berlaku di negara kita

Peristiwa ini disaksikan oleh ribuan rakyat. Raja-raja Melayu yang berseri-seri dengan pakaian songket yang berkilau dan dipayungi dengan payung diraja duduk bersemayam di pentas khas

Peristiwa X

Apakah peristiwa X?

- A Peristiwa perisytiharan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu
- B Peristiwa menandatangani perjanjian Merdeka
- C Peristiwa penurunan bendera Union Jack
- D Peristiwa pemasyhuran kemerdekaan

9. Beberapa cadangan Suruhanjaya Reid yang asal terpaksa dipinda untuk memuaskan hati semua pihak.

Apakah kesimpulan yang boleh dibuat tentang pembentukan perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu?

- I Perlembagaan digubal dengan mengutamakan kepentingan bangsa Melayu
- II Perlembagaan digubal berdasarkan perlombagaan kerajaan British
- III Perlombagaan digubal berdasarkan semangat permuaafakan
- IV Perlombagaan digubal berdasarkan semangat tolak ansur

- A i dan ii B i dan iv C ii dan iii D iii dan iv

10. Pernyataan di bawah merujuk kepada peristiwa kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu.

- Bendera Union Jack diturunkan di hadapan Padang Kelab Selangor
- Pemasyhuran Kemerdekaan diadakan di Stadium Merdeka , Kuala Lumpur

Apakah kepentingan peristiwa tersebut kepada negara kita?

- A Bentuk pemerintahan negara mengikut nasihat kerajaan British
- B Pembentukan negara demokrasi berparlimen
- C Semua pangkalan tentera British ditutup
- D Hubungan diplomatik diputuskan

JAWAPAN

- | | |
|------|-------|
| 1. C | 7. A |
| 2. A | 8. D |
| 3. D | 9. D |
| 4. B | 10. B |
| 5. C | |
| 6. B | |